

NUR NAJWA Yusof
AHMAD KAMAL ARIFFIN Mohd. Rus
NOOR AIN Mat Noor
Universiti Malaya

ALOR SETAR SEBAGAI PUSAT KOMERSIAL SEBELUM KEMASUKAN BRITISH, 1735-1909

ALOR SETAR AS A COMMERCIAL CENTRE BEFORE THE BRITISH INTERVENTION, 1735-1909

Artikel ini akan meneliti perkembangan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial dalam tempoh 1735-1909. Dalam konteks ini, perkembangan Alor Setar akan ditinjau dari sudut apakah bentuk aktiviti-aktiviti komersial yang dijalankan serta apakah faktor pencetus kepada perkembangan bandar Alor Setar yang lebih pesat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia seperti Surat Sultan Muhammad Jiwa kepada Francis Light, Peringatan Rajaraja Kedah, Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid dan CO 716, Kedah/Perlis Sessional Papers, 1905-1937. Hasil kajian mendapati bahawa bermula pada tahun 1735, apabila Alor Setar mula berfungsi sebagai pusat pentadbiran negeri, bandar tersebut dilihat semakin mendapat tumpuan penduduk sama ada dari dalam mahupun luar Kedah. Dalam tempoh ini, berlaku aktiviti perdagangan yang pesat di antara Alor Setar dan pedagang daripada luar seperti Pulau Pinang, India dan China. Antara komoditi yang diperdagangkan termasuklah bekalan makanan seperti beras, haiwan ternakan dan kayu kayan. Hasil perdagangan ini menyumbang pendapatan yang besar kepada negeri Kedah. Di samping itu, aktiviti komersial di Alor Setar dirancarkan lagi dengan kewujudan emporium perniagaan yang menempatkan kedai menjual pelbagai jenis barangan seperti kedai pajak gadai, gedung menjual pakaian dan peralatan kegunaan harian. Kemunculan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial yang pesat ini disumbang oleh beberapa faktor seperti kecekapan pentadbiran di bawah kepimpinan yang berwibawa, kawalan keselamatan yang efisien dan sistem perhubungan dan pengangkutan yang canggih, sistem kawalan kesihatan yang mapan dan kewujudan pelabuhan bandar yang menjadi daya tarikan terpenting kepada golongan pedagang.

Kata kunci: *Limbong, Alor Setar, komersial, pelabuhan bandar, gajah*

This article will approach the development of Alor Setar as a commercial centre in the era between 1735–1909. Within this context, the advancement of this city will be plotted from the aspect of the commercial activities being conducted as well as the factors that triggered the growth of a better and rapid-growing Alor Setar. This study uses the qualitative measurement which involves the collection and data analysis from primary sources obtained from the National Archive of Malaysia such as letters sent by Sultan Muhammad Jiwa to Francis Light, Reminders from the Rulers of Kedah, Sultan Abdul Hamid's Letters and CO 716, Kedah/Perlis Sessional Papers, 1905-1937. The outcome of this study shows that since the year of 1735, when Alor Setar began its operation as the state administration centre, the city had become the hub for local people and also foreigners. Within this period of time, there was evidence of hasty trading activities between Alor Setar and foreign traders from Penang, India and China. Among the commodities being merchandised were food supplies namely rice, farm animals and woods. The consequence of these transactions provided a large sum of income to Kedah state. In addition, the commercial activities in Alor Setar had been enhanced with the presence of trading emporiums which allotted stores selling assorted items, for example the pawn shop, textile stores and groceries stores. The existence of Alor Setar as a rapid-growing commercial centre was contributed by several factors such as the effectiveness of administration, the efficiency of town safety control, the sophistication of the communication and transportation system, the competency of health control system and also the presence of town port. These indeed have become the undeniably alluring attractions for traders to pursue their trading business.

Keywords: *Limbong, Alor Setar, commercial, town port, elephant*

Pengenalan

Alor Setar sejak dahulu lagi muncul sebagai sebuah bandar yang begitu pesat dan maju dalam pelbagai aspek. Bermula dengan peranannya sebagai pusat pentadbiran negeri yang baru pada tahun 1735, Alor Setar terus mengecapi kemajuan yang memberangsangkan sehinggalah bandar tersebut muncul sebagai sebuah pusat komersial yang pesat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi dan perdagangan. Dalam membicarakan kepesatan aktiviti komersial, kupasan artikel ini akan memfokuskan kepada perkembangan Alor Setar sebagai sebuah

pusat komersial dalam tempoh 1735 iaitu semasa Alor Setar mula dijadikan sebagai pusat pentadbiran negeri (di era kepimpinan Sultan Muhammad Jiwa) sehinggalah tahun 1909 iaitu semasa pihak British mula bertapak di Kedah. Dalam konteks ini, perkembangan Alor Setar akan diteliti dari sudut apakah aktiviti-aktiviti komersial yang dijalankan dan apakah faktor pencetus atau daya tarikan yang wujud di Alor Setar yang membawa kepada perkembangan aktiviti komersial di bandar tersebut. Faktor-faktor ini akan dirungkai satu persatu bagi melihat sejauh mana ia memberi sumbangan terhadap kepesatan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial.

Sorotan Kajian

Menyentuh peranan Alor Setar sebagai pusat komersial, perbincangan berkaitannya dapat dilihat dalam beberapa buah kajian. Antara yang signifikan ialah *Alor Setar 250 Tahun (1735-1985)*¹ yang merupakan kumpulan artikel yang membicarakan isu-isu berkaitan Alor Setar. Antara artikel penting yang dimuatkan dalam kajian ini dapat dilihat melalui tulisan Ahmad Haji Saleh, “Kedah dalam tahun 1851: Zaman Pemerintahan Sultan Zainal Rashid”. Dalam tulisan ini, penulis ada menyentuh secara sepintas lalu mengenai kaedah kawalan kesihatan iaitu melalui kawalan penyakit di Alor Setar melalui pembinaan stesen kuarantin penyakit cacar di Bukit Pinang. Di samping itu, sebuah lagi artikel yang dimuatkan dalam kajian ini dapat dilihat melalui tulisan J. M. Gullick, “Kedah in the Reign of Sultan Ahmad Tajuddin II” dan Ismail Saleh, “Negeri Terbuka Dagangan Murah”. Kajian ini ada mengulas serba sedikit berkaitan pembangunan awal di bandar Alor Setar. Antaranya pembinaan jalan raya di Alor Setar sehingga ke Anak Bukit dan kewujudan ladang percubaan penanaman kopi yang dibangunkan berhampiran istana di Anak Bukit pada tahun 1870 dan di Bukit Pinang. Menurut Gullick, pembukaan ladang kopi yang lebih luas di Bukit Pinang telah menarik ramai buruh Cina untuk bekerja di kawasan tersebut.

Sementara itu, Ismail Saleh dalam artikelnya “Negeri Terbuka Dagangan Murah” memperihalkan aktiviti perdagangan di Limbong yang menjadi nukleus kepada kemunculan bandar Alor Setar. Dalam kajian ini, penulis ada menyentuh penglibatan saudagar India yang memudiki Sungai Kedah hingga ke Limbong untuk membeli gajah, gading gajah, kapur barus dan kayu gaharu. Selain itu, kegiatan perdagangan komersial di Pelabuhan Kuala Kedah turut diulas. Ringkasnya, kajian-kajian yang dimuatkan dalam kumpulan artikel ini memberi gambaran awal pembangunan dan kegiatan ekonomi di Alor Setar.

Sebuah lagi kajian berkaitan Alor Setar dapat dilihat melalui tulisan Buyong Adil melalui karya beliau *Sejarah Kedah*.² Tulisan ini merupakan antara rujukan asas dalam melihat sejarah negeri Kedah secara umum. Perbincangan dalam tulisan ini berkisar mengenai sejarah Kedah sebelum kedatangan raja-

raja dari Parsi serta Kedah pada zaman pemerintah raja-raja beragama Islam. Dalam tulisan ini, perbincangan mengenai bandar Alor Setar pada peringkat awal ada disentuh. Antara yang menonjol ialah berkaitan dengan aspek pembinaan Kota Setar sebagai pusat pemerintahan di era pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa.

Sebuah lagi kajian berkaitan Alor Setar dapat dilihat melalui tulisan Afifudin Haji Omar dalam karyanya “Penanaman Padi di Kedah Darulaman: Sejarah Peranan dalam Ekonomi Negeri Kedah Darulaman”. Menurut Afifudin, di era pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa, berlaku penerokaan tanah-tanah paya untuk dijadikan sawah padi. Hal ini seterusnya membawa peningkatan pengeluaran hasil padi tahunan secara komersial terutamanya di Alor Setar.³ Sementara itu, Ibrahim Ismail dalam *Sejarah Kedah Sepintas Lalu* pula ada membincangkan secara ringkas perkembangan infrastruktur di Alor Setar seiring dengan kepesatan Alor Setar sebagai pusat komersial. Perkembangan infrastruktur yang dimaksudkan ini merangkumi pembinaan jalan raya, pembinaan bengkel menibau kapal di Limbong Kapal yang turut menjual kapal bersaiz besar dan kecil, sekolah di Jalan Bahru dan perkhidmatan perubatan.⁴ Ringkasnya, kajian ini memberi pemahaman awal terhadap selok belok pembangunan dan infrastruktur yang wujud di Alor Setar.

Latar Belakang Awal Bandar Alor Setar

Limbong: Nukleus kepada Kemunculan Bandar Alor Setar

Tapak bandar Alor Setar⁵ pada asalnya bermula daripada kawasan Limbong yang terletak kira-kira enam batu dari bandar Alor Setar pada hari ini. Limbong semasa pemerintahan Sultan Abdullah Muazzam Shah (1698-1706) menjadi tempat bersemayam bagi Tengku Ibrahim yang merupakan Raja Muda Kedah. Tengku Ibrahim memilih Limbong sebagai tempat bersemayam ekoran lokasinya yang terletak di tebing Sungai Kedah. Kesuburan tanah di kawasan ini menjadi faktor pemangkin yang menarik minat rakyat jelata untuk berhijrah masuk ke Limbong bagi membina penempatan baru. Selain itu, Limbong juga mempunyai keistimewaan tersendiri kerana terletak di tebing Sungai Kedah yang bersambung dengan sungai-sungai lain yang mengalir sehingga ke kawasan pedalaman di negeri Kedah.⁶ Malahan Limbong juga muncul sebagai sebuah entiti yang berfungsi sebagai pusat pemerintahan dan platform pertahanan daripada ancaman musuh.

Di samping itu, kepentingan Limbong terserlah apabila ia muncul sebagai pelabuhan pedalaman yang termasyhur dan tertua di Kedah pada abad ke-18. Dilaporkan pada masa itu, terdapat ramai pedagang dari luar dan kawasan sekitar yang berkunjung ke Limbong untuk berdagang dan bertukar-tukar barangan. Antaranya ialah pedagang dari China, India dan Inggeris.⁷ Salah satu faktor yang menarik kedatangan pedagang ke

Limbong adalah disebabkan oleh kewujudan limbungan kapal pedalaman di kota tersebut. Limbungan kapal ini berfungsi sebagai tempat membina dan membaiki kapal. Bahkan ada pendapat yang mengatakan bahawa nama Limbong itu sendiri sebenarnya lahir daripada peranan limbungan kapal tersebut. Limbungan kapal ini dikelilingi hutan tebal dan kaya dengan kayu balak yang menjadi komoditi utama yang diperlukan oleh pedagang dari Pulau Pinang. Rata-rata pedagang menjadikan Kota Limbong sebagai platform persinggahan kapal, tongkang dan perahu-perahu besar terutamanya dari India Selatan untuk mendapatkan komoditi seperti kayu balak, papan, gajah dan hasil sekitarnya.⁸

Zaharudin Abu dalam tulisannya mengulas peranan yang dimainkan oleh Limbong. Menurutnya, "*Maka ramai-lah orang-orang dari luar negeri berniaga dan bertukar dagangan serta mengambil tanah untuk dibuat tempat kediaman*".⁹ Kenyataan ini membuktikan bahawa Limbong begitu mendapat tempat di hati pedagang sehingga mendorong mereka untuk tinggal menetap dan mendirikan petempatan di kawasan tersebut. Di sepanjang Sungai Limbong, beberapa buah bangunan dan rumah-rumah kedai telah didirikan bagi memudahkan aktiviti perniagaan dijalankan. Rata-rata golongan pedagang yang berkunjung dan menetap di Limbong adalah terdiri daripada golongan Chuliar yang berasal dari India Selatan dan pedagang dari China. Selain itu, Limbong dalam masa yang sama turut berperanan sebagai pusat mengeksport gajah. Berhampiran Limbong, terdapat sebuah kawasan iaitu Tajar yang menjadi pusat memelihara dan mengubati gajah-gajah yang sakit. Tajar menjadi tumpuan pawang dan bomoh gajah bagi mengubati gajah-gajah milik Sultan. Lazimnya, gajah-gajah yang sakit dalam tempoh pelayaran akan dirawat di Tajar dan dipelihara dengan bayaran yang tertentu.¹⁰ Boleh dikatakan Limbong dalam tempoh ini dianggap sebagai klinik gajah yang terpenting di kawasan pedalaman.

Malahan Limbong juga menjadi tumpuan dalam kalangan pedagang untuk mendapatkan bekalan gajah sejak tahun 1662 sehingga 1668. Gajah pada masa itu merupakan alat pengangkutan yang penting dan turut dieksport ke negara luar. Antara pedagang yang pernah terlibat dalam urusan perdagangan gajah di Limbong ialah individu yang dikenali sebagai Lock.¹¹ Kapal Lock dikatakan mampu memuatkan sebanyak sembilan atau sepuluh ekor gajah bersama seorang gembala gajah dan seratus bahara timah.¹² Jumlah gajah yang didagangkan ini menggambarkan betapa Limbong begitu terkenal dengan perdagangan gajahnya. Pada masa ini, Limbong dianggap sebagai kawasan segi tiga emas berikutan bekalan gajah untuk dieksport ke luar adalah diambil sendiri daripada hutan Limbong. Malahan penjualan gajah pada masa ini juga telah berjaya menjana hasil ekonomi di Kedah.¹³

Ringkasnya, dapat dilihat Kota Limbong merupakan lokasi penting yang membawa kepada perkembangan awal bandar Alor Setar. Dalam konteks ini, Tengku Ibrahim merupakan ikon penting yang bertanggungjawab

memajukan Limbong yang merupakan kawasan pegangannya. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab membuka dan membangunkan tanah-tanah baru di kawasan tersebut. Bahkan semasa Limbong berada di bawah pegangan Tengku Ibrahim, fungsi Limbong sebagai pelabuhan pedalaman yang terpenting di Kedah terus berkembang dan menyumbang kepada penghijrahan masuk pedagang asing yang bersama-sama memakmurkan Kota Limbong di Alor Setar.

Dari Kota Bukit Pinang ke Alor Setar: Perpindahan Pusat Pentadbiran di Era Pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa

Di era pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II (1710-1778), berlaku satu peristiwa penting dalam sejarah negeri Kedah apabila pusat pentadbiran negeri telah dipindahkan dari Kota Bukit Pinang ke Alor Setar. Tanggal 30 Disember 1735, Sultan Muhammad Jiwa bersama seluruh warga Istana Kota Bukit Pinang telah berangkat ke Istana Kota Setar dan bersemayam di sana.¹⁴ Alor Setar dipilih sebagai pusat pentadbiran yang baru ekoran perkembangannya yang semakin pesat sejak di zaman pemerintahan Tengku Ibrahim lagi sebagai Raja Muda yang bersemayam di Limbong.¹⁵

Selain itu, pemilihan bandar Alor Setar juga didorong oleh faktor bentuk muka buminya yang bercirikan kawasan tanah pamah dan sesuai untuk penanaman padi. Bentuk muka bumi seumpama ini dapat menggalakkan lagi aktiviti ekonomi di Alor Setar berbanding Kota Bukit Pinang yang mempunyai bentuk muka bumi berbukit-bukit dan hanya sesuai untuk penanaman kopi, buah pala dan cengkik sahaja. Malahan kedudukan Alor Setar yang strategik dan terletak jauh daripada pantai iaitu kira-kira tujuh batu dari Kuala Kedah turut menarik minat Sultan untuk memindahkan pentadbirannya.¹⁶

Faktor seterusnya yang dikaitkan dengan pemindahan pusat pentadbiran Sultan adalah disebabkan oleh faktor kedudukan istana baginda di Bukit Pinang itu sendiri yang dikatakan kurang strategik ekoran terletak berdekatan dengan Sungai Bukit Pinang. Kedudukan yang hampir dengan sungai ini mengakibatkan istana baginda dan kawasan sekitarnya sering kali dinaiki air terutamanya semasa musim hujan. Walaupun Sungai Bukit Pinang mempunyai kedalaman yang dalam,¹⁷ namun sungai tersebut tidak mampu menampung kapasiti air yang banyak semasa hujan lebat. Alasan ini merupakan faktor pemangkin yang menyebabkan Sultan Muhammad Jiwa mengambil keputusan untuk bersemayam di Alor Setar. Melalui pemindahan ini, pusat pemerintahan Kedah yang baru secara rasminya kini berpusat di Alor Setar iaitu bermula pada tahun 1735. Bermula tempoh ini juga menyaksikan berlakunya perkembangan pesat Alor Setar khususnya dalam aktiviti komersial yang melibatkan perdagangan dan perniagaan yang begitu

aktif di kawasan pelabuhan dan sekitar bandar Alor Setar.

Faktor Perkembangan Alor Setar sebagai Pusat Komersial

Kecekapan Pentadbiran dan Kawalan Keselamatan Bandar yang Teratur

Salah satu faktor yang membawa kepada kepesatan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial adalah disumbang oleh sistem pentadbirannya yang dilihat begitu cekap dan mantap. Kecekapan dalam pentadbiran merupakan aspek penting bagi mewujudkan suasana aman dan selamat di bandar. Di era pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa, baginda begitu menitikberatkan keamanan dan keselamatan di Alor Setar. Dalam soal ini, baginda telah mempertanggungjawabkan tugas tersebut kepada Temenggung.¹⁸ Skoptugas yang diamanahkan kepada Temenggung meliputi hal ehwal keselamatan dalam negeri, menguruskan alat senjata, mengkoordinasi hulubalang, melatih panglima perang dan memeriksa keadaan kota serta parit sebagai strategi pertahanan.¹⁹ Selaku pembesar yang bertanggungjawab memelihara dan menjaga keselamatan negeri, Temenggung bersama pengikutnya sentiasa melakukan rondaan secara bergilir-gilir dengan sebahagian daripada pengikut Temenggung akan menjaga keselamatan di Penjara Alor Setar. Mereka ini merupakan pasukan polis elit ekoran kerap berjaya menangkap pesalah-pesalah seperti pencuri, penyamun, pemakan madat, penyabung ayam dan pembunuh. Lazimnya, pengikut Temenggung akan membuat rondaan di bandar Alor Setar pada waktu malam.²⁰

Selain Temenggung, terdapat beberapa lagi jawatan di dalam pentadbiran iaitu Panglima Kuala, Syahbandar dan Panglima Bandar yang diamanahkan dengan tugas-tugas khas berkaitan dengan perdagangan. Kewujudan jawatan ini memperlihatkan bahawa Sultan begitu memberi perhatian terhadap soal pentadbiran perdagangan khususnya yang bersangkutan dengan aspek keselamatan pedagang. Dalam soal pentadbiran pelabuhan, para pembesar negeri menjalankan tugas mereka berpandukan kepada Undang-undang Pelabuhan Kedah yang disusun dengan begitu rapi. Undang-undang ini menjadi panduan kepada semua pedagang yang berdagang di pelabuhan Kuala Kedah dari abad ke-17 hingga abad ke-19 termasuklah pedagang dari India, China dan Eropah.²¹

Berikutnya, di era pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin III, aspek keselamatan bandar masih lagi menjadi perkara utama yang diberikan perhatian. Dalam tempoh ini, perkembangan pesat Alor Setar telah mendorong kemasukan lebih ramai bangsa asing terutamanya dalam kalangan orang Cina yang mula tinggal menetap di Alor Setar. Situasi ini mendorong Sultan untuk melantik seorang Kapitan Cina bagi menguruskan hal ehwal masyarakat

Cina di bandar tersebut. Kapitan Cina yang pertama mula dilantik pada tahun 1868 yang dikenali sebagai Ah Seng. Beberapa tahun selepas itu, seorang lagi Kapitan Cina yang dikenali sebagai Ah Saw telah dilantik dan diberi gelaran Kapitan Bijaya Bisara.²² Pelantikan kapitan ini merupakan inisiatif penting bagi mengekalkan keamanan, memudahkan Sultan untuk mengurus dan mentadbir masyarakat Cina yang rata-ratanya terlibat dalam ekonomi komersial. Kapitan-kapitan yang dilantik ini merupakan individu yang berpengaruh dan menjadi perantaraan antara Sultan dengan masyarakat Cina.²³

Di era pemerintahan Sultan Abdul Hamid, perkembangan penduduk dan petempatan berlaku dengan lebih pesat. Dalam tempoh ini memperlihatkan kemasukan lebih ramai buruh asing untuk tujuan pembangunan bandar Alor Setar. Antaranya kemasukan buruh India dari Pulau Pinang pada tahun 1890 yang bekerja dalam sektor pertanian dan pembinaan. Selain itu, era ini juga menyaksikan kemasukan lebih ramai orang Eropah yang mula berhijrah masuk atas tarikan faktor ekonomi. Sekitar tahun 1888, dilaporkan ramai orang Eropah dari Pulau Pinang yang berhijrah ke Alor Setar dan mula tinggal menetap di bandar tersebut dengan rata-ratanya terlibat dalam aktiviti perdagangan. Melihatkan kemasukan warga asing yang semakin ramai ke Alor Setar, Sultan Abdul Hamid mengambil inisiatif dengan memperkenalkan peraturan bagi mengawal tingkah laku imigran yang berada di Alor Setar. Antara yang ditekankan ialah imigran yang memasuki Kedah mestilah mempunyai tingkah laku yang baik seperti tidak meminum arak, tidak membuat sebarang salah laku dan tidak terbabit dengan kes jenayah.²⁴ Peraturan yang dikuatkuasakan ini bertujuan untuk memastikan kadar jenayah yang berlaku dalam negeri tidak meningkat, di samping rakyat dapat hidup dalam keadaan yang selamat. Hal ini didasarkan atas fakta bahawa faktor keselamatan merupakan prasyarat terpenting bagi seseorang itu memilih untuk tinggal di bandar. Di samping itu, beberapa lagi inisiatif berhubung dengan keselamatan bandar turut diperkenalkan oleh Sultan iaitu melantik Penghulu Pekan yang bertanggungjawab mentadbir hal ehwal bandar Alor Setar. Tugas yang diamanahkan kepada Penghulu Pekan merangkumi pelbagai aspek seperti menangkap pesalah yang melakukan kesalahan, mendenda individu yang membuat kekacauan dalam bandar atau merosakan harta benda awam,²⁵ membawa pesalah ke lokap penjara Alor Setar dan menguruskan perselisihan faham di antara masyarakat tempatan.²⁶ Pelantikan Penghulu Pekan ini membuktikan bahawa Sultan begitu cakna terhadap soal keselamatan dan keamanan di bandar Alor Setar.

Berikutnya, pihak kerajaan sendiri telah mengambil langkah yang sesuai bagi memastikan tahap keselamatan di lautan dipertingkatkan iaitu melalui inisiatif membangunkan rumah api pada 3 Mei 1891 di Kuala Kedah. Rumah api ini dibina bagi memudahkan pergerakan kapal dagang yang belayar dari Pulau Pinang dan Langkawi untuk memasuki perairan

Kedah dengan selamat pada waktu malam.²⁷ Signifikan pembinaan rumah api ini adalah bagi memudahkan perahu dan kapal-kapal yang memudiki sungai Kedah dengan selamat supaya tidak berlaku pelanggaran di lautan mahupun sungai Kedah. Di samping itu, rumah api ini turut berperanan sebagai sistem kawalan trafik bagi pengangkutan air di Alor Setar.

Pemodenan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan

Kewujudan sistem perhubungan yang canggih di Alor Setar meliputi sistem perhubungan darat dan air merupakan salah satu faktor yang merancakkan lagi aktiviti komersial di bandar tersebut. Bagi sistem perhubungan darat, jalan raya menjadi jaringan terpenting bagi penduduk untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Jalan raya terawal yang dibina ialah pada tahun 1855 yang menghubungkan Alor Setar dengan Pekan Langgar sejauh sepuluh kilometer.²⁸ Berikutnya, pada 13 Mac 1856, dua batang jalan raya yang menghubungkan bandar Alor Setar dengan Langgar dan Simpang Hutan Kampung ke Kepala Batas telah dibina. Penghujung tahun 1856, sebatang lagi jalan raya yang menghubungkan Alor Setar dengan Anak Bukit telah dibina.²⁹ Pembinaan jalan raya ini merupakan satu pembaharuan dan pemodenan dalam sistem perhubungan di Alor Setar. Jika sebelum ini, masyarakat menggunakan sungai untuk menjalankan kegiatan harian, namun kini mereka mempunyai alternatif lain sebagai laluan perhubungan.³⁰

Sekitar tahun 1887, pengangkutan darat di Alor Setar semakin maju berikutan keluarga diraja Kedah mula menggunakan kereta bogi kuda sebagai medium pengangkutan yang lebih moden. Penggunaan kereta bogi di Alor Setar semakin mendapat perhatian apabila pada 31 Januari 1890, Sultan Kedah telah menitahkan Tunku Yaakob supaya menambahbaik jalan raya dan titi di sekitar Alor Setar bagi memudahkan pergerakan kereta bogi kuda baginda.³¹ Menjelang April 1890, ramai kerabat diraja mula menggunakan kereta bogi kuda sebagai kenderaan mereka. Misalnya Wan Hajar³² sendiri mempunyai kereta bogi kuda peribadi bagi memudahkan pergerakannya. Pada Januari 1897, kereta bogi kuda mula digunakan sebagai kenderaan pengangkutan bagi pembesar negeri.³³ Sementara itu, kereta lembu pula mula digunakan sebagai pengangkutan darat sekitar tahun 1897. Penggunaan kereta bogi yang semakin rancak turut membawa kepada aktiviti menyewa kereta tersebut. Sebagai contoh, kereta bogi kuda yang disewa dikenakan bayaran sebanyak 60 duit.³⁴

Kemudahan jalan raya yang semakin baik telah membawa kepada penggunaan kereta tarik atau lanca yang semakin meluas pada tahun 1896. Kereta tarik atau lanca tidak menggunakan enjin, sebaliknya pemandu kereta akan menarik lanca yang dinaiki penumpang menggunakan kudrat mereka sendiri. Sekitar 1900, berlaku satu lagi perkembangan baru apabila beca telah mula digunakan di Alor Setar.³⁵ Dalam aspek perhubungan dan

pengangkutan, dapat dilihat dalam tempoh sebelum kemasukan British, Alor Setar telah melalui transformasi jaringan perhubungan, bermula dengan jalan air, bertukar kepada jalan darat serta dari lorong kecil bertukar menjadi jalan raya yang cukup panjang jaraknya untuk menghubungkan sesuatu tempat. Melalui sistem perhubungan dan pengangkutan yang canggih ini, komunikasi di antara sebuah kawasan dengan kawasan yang lain dapat dijalankan dengan cepat dan lancar. Malahan perkembangan yang menarik ini telah mendorong kepada kepesatan aktiviti komersial di Alor Setar seperti aktiviti perniagaan dan perdagangan, misalnya para peniaga dapat memasarkan barang dagangan mereka dengan mudah ke kawasan tumpuan penduduk seperti di kawasan bandar, pinggir bandar dan kampung. Faedahnya, peniaga dapat memperolehi untung yang lebih berikutan hasil jualan yang meningkat. Dalam hal ini, aktiviti ekonomi bukan sahaja dapat dijalankan dengan lebih cepat dan pantas, malahan kos pengangkutan juga dapat dijimatkan.

Kemudahan Infrastruktur yang Baik

Perkembangan Alor Setar sebagai pusat komersial turut didorong oleh kepesatan dalam pembinaan infrastruktur di bandar tersebut. Di era pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa, pembinaan sungai buatan telah dilaksanakan bagi memudahkan jaringan perhubungan. Bagi merealisasikan projek ini, baginda mengarahkan rakyat jelata menggali dan mengorek sebatang sungai di sebelah matahari naik terus ke bahagian utara sehingga ke Alor Semadom,³⁶ dan terus ke Sungai Besar Pumpang lalu menemui Sungai Anak Bukit. Seterusnya, satu cabang sungai dikorek di Padang Mahkota menghala ke barat iaitu ke Tambang Badak. Satu lagi cabang sungai turut dikorek menyimpang melalui Kanchut sehingga tembus ke Sungai Besar Pengkalan Badak. Sementara itu, satu simpang lagi dikorek di sebelah matahari naik iaitu di sebelah Timur menghala ke Gerbang terus ke Geduk dan akhir sekali ke Sungai Besar Pengkalan Kundor. Secara keseluruhannya, projek pembinaan sungai buatan yang dijalankan meliputi kawasan yang luas dengan jumlah panjang sungai-sungai yang dikorek dianggarkan melebihi 12 batu.³⁷

Aktiviti pembinaan anak-anak sungai buatan ini telah memberi kesan yang begitu positif apabila kawasan persekitaran Alor Setar tidak lagi digenangi air seperti yang berlaku sebelumnya. Malahan pembinaan sungai buatan ini turut menyediakan lapangan pertanian kepada penduduk tempatan yang mula terlibat dalam aktiviti pembukaan tanah. Tanah-tanah sungai yang digali ini digunakan oleh penduduk untuk membuka tanah bendang. Malahan hasil keluaran padi di Alor Setar juga dilaporkan turut meningkat. Selain itu, pembinaan sungai buatan ini memudahkan jaringan komunikasi untuk penduduk bergerak dari satu tempat ke tempat lain dan menggalakkan lagi perkembangan ekonomi komersial di Alor Setar.

Pembinaan sungai buatan telah mempertingkatkan lagi aktiviti penanaman padi di Alor Setar.³⁸

Seterusnya, di era pemerintahan Sultan Abdul Hamid, projek pembangunan bandar Alor Setar telah dilaksanakan dengan lebih giat. Baginda telah mengarahkan Wan Muhammad Saman mengorek terusan dari Alor Setar sehingga ke kaki Gunung Jerai bagi membuka tanah-tanah sawah yang luas untuk menambahkan hasil negeri.³⁹ Pembinaan terusan ini membawa implikasi yang penting terhadap pembangunan Alor Setar sebagai bandar komersial. Dengan pembinaan terusan ini, pekan-pekan kecil di antara Alor Setar hingga Gurun seperti Tandop, Simpang Empat, Kota Sarang Semut, Sungai Limau dan Guar Chempedak kini dapat dihubungkan. Di samping itu, pembinaan terusan ini turut membawa kepada pertumbuhan pekan-pekan baru dengan lebih ramai penduduk membuka perkampungan baru di sepanjang terusan itu. Di pekan-pekan baru ini, aktiviti komersial semakin berkembang. Selain itu, terusan ini turut menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran padi.

Era pemerintahan Sultan Abdul Hamid juga menyaksikan beberapa infrastruktur seperti hotel dan pejabat pos dan telegraf turut dibangunkan. Pembinaan hotel menjadi faktor penarik bagi memudahkan pelawat dan pedagang untuk bermalam di bandar Alor Setar. Antara hotel yang terawal dibangunkan ialah di Bakar Bata pada 1 November 1891. Di samping itu, terdapat sebuah lagi rumah rehat di Anak Bukit yang dibina pada tahun yang sama. Rumah rehat ini pernah diduduki oleh Konsul Siam Pulau Pinang bersama isteri dan beberapa tetamu kehormat yang lain semasa kunjungan rasmi ke Gunung Keriang.⁴⁰ Sementara itu, kewujudan pejabat pos dan telegraf pula memudahkan penghantaran pesanan jarak jauh mahupun surat oleh para pedagang ke negara asal mereka. Ringkasnya, pembinaan pelbagai infrastruktur di Alor Setar menjadi daya tarikan kepada pelabur dan pedagang untuk bertumpu di bandar tersebut dan seterusnya menggalakkan lagi perkembangan aktiviti komersial.

Sistem Kawalan Kesihatan yang Efisien

Perkembangan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial amat berkait rapat dengan sistem kawalan kesihatan yang tersedia di bandar tersebut. Penekanan terhadap kawalan kesihatan yang efisien merupakan antara agenda yang begitu dititikberatkan oleh pemerintah dalam usaha memastikan penduduk di bandar Alor Setar sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada sebarang ancaman penyakit yang berbahaya. Di era pemerintahan Sultan Zainal Rashid Muadzam Shah, antara inisiatif terawal dapat dilihat melalui penyediaan sistem kumbahan di Alor Setar pada tahun 1851. Dalam aspek ini, kerajaan mengambil langkah dengan mewujudkan sistem perparitan yang sistematik di Kuala Kedah bagi mengalirkan air kumbahan daripada kawasan tempat kediaman ke kawasan takungan.⁴¹ Kewujudan sistem kumbahan ini

jelas menunjukkan bahawa bandar Alor Setar merupakan sebuah bandar yang moden dengan wujudnya sistem sanitasi seawal tahun 1851.

Berikutnya, di era pemerintahan Sultan Abdul Hamid pula, sistem kawalan kesihatan melalui penggunaan tandas telah mula diperkenalkan pada tahun 1905. Sebelum tandas diperkenalkan, masyarakat tempatan tidak mempunyai tandas khas untuk berkumuh dan lazimnya mereka membuang najis di sungai dan kawasan semak. Hal ini seterusnya membawa kepada penularan penyakit bawaan air seperti kolera, disentri dan pencemaran bau.⁴² Dengan pengenalan tandas, risiko penularan penyakit dapat dikawal melalui pengurusan bahan buangan yang lebih sistematik. Dalam hal ini, pembersihan tong-tong najis dilakukan pada waktu malam dengan pekerja kontraktor akan mengangkut najis daripada tandas di kawasan perumahan dan kemudiannya dikumpulkan di dua buah parit besar atau kolam yang diperbuat daripada simen.⁴³

Menyedari bahawa aspek kesihatan merupakan perkara penting dalam sesebuah bandar, Sultan Abdul Hamid turut merencanakan pembukaan hospital di Alor Setar. Hal ini menjadi kenyataan pada tahun 1905 apabila hospital pertama di Alor Setar telah siap dibina.⁴⁴ Hospital ini bukan sahaja dilengkapi dengan kemudahan bedah siasat malahan turut mempunyai tenaga perubatan yang dibawa masuk dari Pulau Pinang untuk berkhidmat di bandar tersebut.⁴⁵ Seterusnya, dispensari bergerak dengan menggunakan kereta lembu turut diwujudkan. Dispensari ini bergerak di dalam bandar, kampung dan tempat paling jauh yang dilawati adalah Jitra.⁴⁶ Di samping itu, sistem kawalan kesihatan bagi penyakit berjangkit turut tersedia di Alor Setar. Dalam hal ini, kawalan pencegahan seperti kuarantin telah diaplikasikan oleh pihak pemerintah bagi membendung penyakit berjangkit seperti kusta. Lazimnya, pesakit kusta akan dihantar ke Pulau Jerejak, Pulau Pinang untuk dikuarantin bagi mencegah penyakit tersebut daripada terus merebak.⁴⁷ Dalam aspek ini, kos penghantaran pesakit kusta adalah ditanggung oleh pihak kerajaan Kedah.⁴⁸ Usaha-usaha yang diambil ini membantu dalam mewujudkan suasana bandar yang bebas daripada sebarang penyakit berbahaya.

Sementara itu, dalam soal kebersihan pula, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan bandar Alor Setar sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selesa untuk diduduki. Salah satunya ialah dengan memperkenalkan Undang-undang Kebersihan. Antara perkara yang terkandung di dalam undang-undang ini ialah berkaitan larangan membuang bangkai haiwan ke dalam sungai bagi mengelakkan pencemaran air. Bangkai haiwan biasanya akan ditanam oleh pekerja kebersihan bagi mengelakkannya dihindangi alat. Kesemua penduduk adalah tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan sekiranya ada penduduk yang didapati mengingkari arahan tersebut, mereka boleh dikenakan denda mengikut Undang-undang Kebersihan yang diwartakan pada tahun 1900.

Selain itu, kerajaan turut mewujudkan jawatan Ketua Kebersihan

Bandar yang dipertanggungjawabkan memeriksa tahap kebersihan bandar agar sentiasa berada dalam keadaan bersih. Malahan pekerja-pekerja khas turut diambil berkhidmat bagi melakukan tugas-tugas menyapu dan memotong rumput di kawasan bandar serta membersihkan sampah sarap di dalam parit. Aktiviti pembersihan bandar ini sememangnya penting bagi memastikan persekitaran bandar sentiasa bersih. Hal ini disebabkan keadaan bandar yang kotor akan mengundang kehadiran haiwan perosak seperti tikus, lalat dan lipas yang menjadi vektor yang mengancam kesihatan penduduk. Di samping itu, kebersihan bandar juga penting bagi menarik lebih ramai peniaga dan pedagang untuk berkunjung ke Alor Setar untuk menjalankan aktiviti mereka.

Kawalan kesihatan di bandar Alor Setar seterusnya dapat dilihat melalui penubuhan Lembaga Kebersihan Alor Setar. Lembaga ini mula-mula sekali ditubuhkan pada tahun 1908 secara kecemasan berikutan berlakunya wabak kolera (sejenis wabak bawaan air) yang meragut banyak nyawa penduduk di Alor Setar. Di peringkat awal, lembaga ini masih belum mempunyai *statutory power* atau kuasa berkanun. Peranan Lembaga Kebersihan pada waktu ini hanyalah untuk menadah air hujan sebagai bekalan air bersih untuk diminum. Air bersih ini pula akan diedarkan kepada orang awam. Selain mengedarkan air bersih kepada orang awam, petugas Lembaga Kebersihan akan membersihkan kawasan perumahan penduduk yang dijangkiti penyakit kolera.⁴⁹ Ringkasnya, dapat dilihat bahawa sistem-sistem kawalan kesihatan yang diwujudkan di Alor Setar menjadi faktor tarikan yang mampu meyakinkan pedagang dan orang tempatan untuk menjalankan aktiviti ekonomi di bandar tersebut.


Perkembangan Aktiviti Komersial di Alor Setar

Daya tarikan yang wujud di Alor Setar sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini ternyata telah menarik perhatian ramai pedagang dari serata negeri untuk berkunjung ke bandar tersebut. Rata-rata pedagang asing bertumpu di pelabuhan bandar di Alor Setar untuk menjalankan aktiviti mereka. Pelabuhan ini dikatakan sentiasa sesak dibanjiri oleh pedagang asing. Kepesatan pelabuhan bandar ini adalah disumbang oleh keadaan fizikal Sungai Kedah yang cukup dalam, luas dan mempunyai arus yang deras. Hal ini sekali gus memudahkan tongkang, jong dan kapal-kapal dagang untuk berlabuh. Sungai Kedah pada waktu itu boleh diumpamakan seperti lebuh raya pada hari ini yang sentiasa sibuk dengan kapal-kapal dagang yang keluar masuk membawa barang dagangan. Di era pemerintahan Sultan Abdullah Mukkaram Shah (1762-1799), antara barang dagangan yang dibawa masuk melalui pelabuhan bandar ini adalah seperti timah yang dibawa dari Naga, lilin dari Tualang, besi dan sendawa (bahan yang digunakan untuk membuat ubat bedil). Rata-rata

pedagang yang membeli besi dan sendawa datang dari Aceh dan Jawa.

Selaku negeri jelapang padi, Kedah turut mengeksport beras melalui pelabuhannya di Alor Setar. Pada tahun 1780, Kedah pernah mengeksport keluar sebanyak 500 koyan beras ke Melaka. Sultan Abdullah pada masa itu telah menerima sepucuk surat dari Melaka yang ingin membeli beras dari Kedah ekoran terputus bekalan yang sepatutnya dibawa masuk dari Jawa dan Aceh. Bagi tujuan ini, Sultan telah menitahkan penduduk menghimpunkan bekalan beras untuk dijual ke Melaka dengan harga \$50 sekoyan. Daripada harga \$50 sekoyan, sebanyak \$30 adalah hasil kepada Sultan Kedah. Sultan sendiri telah menetapkan cukai eksport beras ke luar negeri iaitu sebanyak \$4 untuk setiap 100 gantang atau \$32 sekoyan.⁵⁰ Dalam hal ini, dapat dilihat aktiviti perdagangan barangan di pelabuhan bandar di Alor Setar menyumbang kepada peningkatan hasil negeri Kedah dengan barangan yang didagangkan telah dikenakan cukai dengan kadar tertentu.

Rajah 1: Hasil Eksport Beras Negeri Kedah Tahun 1780



Sumber: Disesuaikan dari Wan Ibrahim Wan Suloh, *Chara2 Mengutip Hasil Negeri Dalam Masa Pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Negeri Kedah Yang Memerintah Dalam Tahun 1762-1799 Bersamaan 1174-1212 Hijrah*, (tiada tahun penerbitan), (tiada halaman).

Selain aktiviti perdagangan beras, perdagangan gajah turut berlangsung dengan rancak di pelabuhan bandar. Pedagang dari India merupakan di antara pedagang yang aktif dalam perdagangan gajah di Alor Setar. Mereka biasanya singgah di pelabuhan dengan membawa kapal dagang yang besar bagi memuatkan gajah untuk dibawa balik ke negara asal mereka. Berdasarkan rekod, 80-100 ekor gajah dijual dalam setahun dengan keuntungan dianggarkan sebanyak \$23 000. Berlaku perdagangan dua hala apabila pedagang India yang

datang membeli gajah turut menjual barang dagangan mereka seperti garam kasar. Sultan Kedah membeli garam dari pedagang India pada harga \$30 sekoyan; garam halus pula \$22 sekoyan. Sebaliknya, Sultan membeli garam yang diimport dari Jawa dan Siam dengan harga \$25 sekoyan.⁵¹ Selain gajah, terdapat juga barangan dagangan seperti kain tenunan yang dibawa daripada sebuah kilang perusahaan di Pulau Pisang ke Pelabuhan Alor Setar untuk didagangkan.⁵²

Pedagang Inggeris dari Pulau Pinang merupakan di antara pedagang asing yang kerap kali membanjiri pelabuhan bandar Alor Setar untuk mendapatkan bahan mentah. Kebiasaannya, bahan-bahan mentah ini diperolehi dari Limbong yang dianggap sebagai kawasan segi tiga emas di Alor Setar. Selain Limbong, Kuala Kedah turut dijadikan sebagai pangkalan perdagangan Inggeris. Aktiviti-aktiviti perdagangan yang dijalankan di antara Pulau Pinang dan Alor Setar ini jelas dapat dibuktikan menerusi koleksi Surat Chit (surat perdagangan) yang mengandungi surat atau nota ringkas pesanan barang dagangan oleh pedagang British di Pulau Pinang. Antara kandungan Surat Chit ini adalah seperti berikut:

“...surat sahabat beta bahawa nakhoda Bapu itu sampailah pada beta tersebut dalamnya ayam tiga ratus sampai kepada beta seratus sembilan puluh dan beras seribu gantang....”

“...tersebut dalam surat sahabat beta enam ratus gantang maka disukat dalam kapal lima ratus sembilan puluh gantang....”

“...itulah rotan dua puluh gelung beta serah beri pergi kepada Nakhoda Bapu”.⁵³

Surat Chit ini turut digunakan sebagai maklumat untuk menyemak sama ada barang yang dipesan sampai atau tidak kepada pembelinya. Hal ini disebabkan adakalanya barang yang diterima oleh si pembeli itu rosak atau mati (haiwan ternakan) dalam perjalanan dari Alor Setar ke Pulau Pinang. Oleh itu, penggunaan Surat Chit dianggap penting bagi melancarkan urusan perdagangan di antara pembeli dan penjual. Bagi Kedah dan Pulau Pinang, kerjasama kedua-dua pihak dalam aspek perdagangan sememangnya penting. Pulau Pinang amat memerlukan pelbagai barangan dari Kedah seperti ayam, itik, telur dan beras sementara bagi Kedah pula, barang dagangan melalui perantaraan Pulau Pinang seperti rotan, candu, kapas dan kain diperlukan.⁵⁴ Di era Sultan Abdullah Mukarram Shah II, kegiatan ekonomi perdagangan antara Alor Setar dengan Pulau Pinang dilihat amat menggalakkan. Pada masa ini, Kedah mengeksport candu dan timah ke Pulau Pinang dan mengenakan cukai. Selain dua jenis barangan dagangan ini, gajah, gading gajah, kerbau, lembu, ayam, itik, beras dan rotan juga antara barang yang laris diekport ke luar negeri

Kedah.⁵⁵ Dalam konteks ini, dapat dilihat kemunculan Pulau Pinang secara langsung menjadi faktor pemangkin kepada perkembangan pesat bandar Alor Setar.

Minat pedagang Pulau Pinang terhadap Alor Setar bukanlah satu perkara yang baru dan dapat dikesan sejak sebelum 1786 lagi iaitu sebelum Pulau Pinang mula diduduki British secara rasmi. Kapten Light dan pegawai-pegawai tadbir British di Pulau Pinang dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan Kedah. Betapa eratnya hubungan ini dapat dibuktikan apabila Sultan Muhammad Jiwa II (Sultan Kedah) dalam surat-suratnya pernah menggelar Light sebagai Kapitan Dewa Raja dan Anak Kita Light.⁵⁶ Dalam soal perdagangan, Inggeris di Pulau Pinang amat memerlukan bekalan makanan, kayu balak dan papan dari Alor Setar untuk digunakan dalam kerja-kerja membangunkan Pulau Pinang seperti mendirikan pelabuhan, bangunan dan rumah. Di samping itu, bahan makanan turut dibeli dari Alor Setar untuk dibekalkan kepada penduduk dan kuli-kuli di tapak pembinaan Pulau Pinang.

Lazimnya, hubungan perdagangan antara Pulau Pinang ini dijalankan melalui “Saudagar Raja” yang merupakan individu penting yang membantu sultan dalam selok belok perdagangan khususnya dalam menguruskan penghantaran barangan yang diperlukan oleh pedagang dari Pulau Pinang.⁵⁷ Petikan surat berikut menggambarkan dengan jelas tugas-tugas yang dilaksanakan oleh saudagar raja di Alor Setar iaitu Saudagar Diraja Limbong yang menyatakan kesediaan beliau melaksanakan titah Sultan Kedah untuk mengumpul dan mengirinkan barang yang diperlukan oleh Kapten Light.

“Lalu hamba Datu’ bahagilah rial pada segala orang Limbong dan Anak Bukit suruh kutip beli beras tumbuk belaka tiada masuk beras kisar sedikit pun empat puluh koyan dan padi empat puluh koyan, dan lembu lima ekor. Di dalam itu sudah hamba Datu’ “beri pergi di jaga2 setengah. Ada lagi setengah sudah hadir di Kuala dan Alor Setar, maka sedikit2 belum sampai lagi duduk pada segenap tempat yang hamba Datu’ beri mas itu, itu pun tengah hamba Datu’ duduk kutip himpun”.⁵⁸

Berdasarkan petikan di atas, jelas berlakunya hubungan perdagangan yang rancak antara British di Pulau Pinang dengan Alor Setar. Peranan penting yang dimainkan oleh Alor Setar sebagai loji bahan mentah serta pelabuhan pedalaman di Limbong jelas memperlihatkan Alor Setar sebuah bandar yang makmur. Selain pelabuhan pedalaman di Limbong, pelabuhan Kuala Kedah juga membantu dalam perkembangan bandar Alor Setar dengan berperanan sebagai pusat pengumpulan barangan dagangan untuk dieksport ke Pulau Pinang. Fungsi pelabuhan ini berlarutan sehingga awal abad ke-19 iaitu semasa

Kedah diserang dan diduduki oleh tentera Siam pada tahun 1821.⁵⁹

Dalam tempoh selepas serangan Siam di Kedah, perkembangan perdagangan di Alor Setar terus berjalan dengan baik. Di era pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin III, sebuah limbungan kapal telah dibina pada tahun 1862.⁶⁰ Kewujudan limbungan kapal ini menjadi faktor tarikan pedagang untuk berkunjung ke bandar tersebut. Limbungan kapal ini dibina berhampiran Sungai Kedah di bandar Alor Setar dan bedekatan dengan Pekan Melayu. Limbungan ini bukan sahaja menawarkan perkhidmatan membaiki kapal-kapal yang rosak, sebaliknya turut menawarkan perkhidmatan menibau atau membina kapal.⁶¹ Hal ini jelas menunjukkan bandar Alor Setar pada waktu ini telah mempunyai teknologi pembinaan kapal dan tenaga kerja yang profesional dalam membina kapal-kapal. Malahan limbungan kapal ini secara langsung memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di bandar Alor Setar.

Dalam tempoh ini, perdagangan antara Kedah dan Pulau Pinang terus berkembang pesat di pelabuhan bandar. Beras dan haiwan ternakan merupakan di antara komoditi yang amat diperlukan oleh Pulau Pinang. Pada tahun 1867, eksport beras dari Alor Setar ke Pulau Pinang dilaporkan sebanyak 40 pikul; padi 800 gantang, ayam dan itik masing-masing sebanyak 100 ekor.⁶² Berikut merupakan butiran barangan dagangan yang dieksport oleh Kedah ke Pulau Pinang.

Jadual 1: Barangan Eksport dari Kedah ke Pulau Pinang, 1867

Jenis	Harga	Kuantiti
Beras	\$ 8.00	Sekoyan
Padi	\$ 4.00	Sekoyan
Lembu	\$ 1.00	Seekor
Kerbau	\$ 1.00	Seekor
Ayam / Itik	\$ 1.00	Seratus ekor

Sumber: Triti bertarikh 20 Jamadilawal 1284 bersamaan 19 September 1867

Hubungan perdagangan dua hala di antara Alor Setar dan Pulau Pinang ini terus berlangsung sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Pada masa ini, kepesatan dan pertambahan penduduk di Pulau Pinang telah meningkatkan permintaan beras dari Alor Setar. Alor Setar pada masa itu muncul sebagai hab pengeluaran beras dan haiwan ternakan yang terdekat dan terbaik bagi Pulau Pinang. Dianggarkan sebanyak 7000 tan beras telah dieksport ke Pulau Pinang pada tahun 1888.⁶³

Pada tahun 1890, pelabuhan di Alor Setar dikatakan terlampau sesak dengan kapal dagang yang membawa keluar sarang burung layang-layang yang diambil daripada 15 pulau besar dan 76 buah pulau-pulau kecil sekitarnya di Laut Andaman, utara Pulau Langkawi khususnya di perairan Setul dan Terang (Selatan Siam). Kebanyakan pulau-pulau ini terutamanya

Pulau Telibong menghasilkan sarang burung layang-layang sebagai salah satu sumber perolehan negeri Kedah. Sarang burung layang-layang ini kemudiannya dibawa ke pelabuhan Alor Setar untuk dieksport ke Pulau Pinang.⁶⁴

Selain itu, kayu-kayan yang berkualiti tinggi seperti cengal, sanai, keranji dan merbau turut diambil dari daerah Gajah Mati dan dieksport ke luar. Kayu-kayan ini lazimnya mendapat permintaan untuk dijadikan perahu dan dieksport ke luar. Malahan di Gajah Mati sendiri terdapat perusahaan membuat perahu yang dibangunkan bagi memenuhi permintaan pedagang yang rata-ratanya datang dari Siam, Pulau Pinang, Perlis dan kawasan sekitar. Perahu yang siap biasanya akan dibawa melalui sungai sehingga ke pelabuhan bandar Alor Setar sebelum dijual kepada pedagang. Selain mendapat perhatian daripada golongan pedagang, perahu yang dihasilkan ini juga mendapat permintaan daripada golongan diraja. Raja Perlis pada tahun 1888 misalnya pernah membeli dua buah perahu sempena menyambut kedatangan wakil Siam, Prak Nurak ke Perlis. Selain dijadikan perahu, kayu-kayan dari Gajah Mati turut digunakan dalam sektor pembinaan seperti rumah dan sebagainya. Berdasarkan rekod yang terdapat di dalam Surat Raja-raja Tahun 1306, individu yang dikenali sebagai Tuan Syed Hassan pernah memesan kayu-kayan berkualiti tinggi dari Gajah Mati untuk membuat dapur di kediamannya di Perlis.⁶⁵ Permintaan yang tinggi terhadap komoditi ini membuktikan bahawa Alor Setar memainkan peranan penting sebagai pusat perdagangan komersial yang utama pada masa itu.

Selain itu, hubungan perdagangan komersial antara Alor Setar dan Perancis juga dilihat telah berlaku lebih awal lagi sekitar awal abad ke-17 sehingga abad ke-18. Kegiatan perdagangan rancak berlangsung di *Port Queda* dalam bahasa Perancis atau pelabuhan Kuala Kedah. Pelabuhan ini merupakan salah satu pintu masuk Selat Melaka bagi kapal-kapal dagang yang datang dari benua Eropah bagi urus niaga membeli rempah ratus. Menurut rekod, rempah ratus seperti lada hitam giat di bawa dari Pulau “*Lancahuy*” atau Pulau Lada untuk diperdagangkan di sini. Malah pada 1786, seorang ahli botani yang bernama Pierre Poivre telah diutuskan oleh Raja Perancis untuk membeli banyak anak benih pokok buah pala dan cengkik yang berkualiti dari pelabuhan Kuala Kedah untuk di bawa pulang dan dibiakkan di Perancis.⁶⁶ Perkembangan aktiviti komersial di Alor Setar juga dapat ditinjau di sekitar bandar tersebut dengan deretan rumah kedai yang boleh diibaratkan seperti emporium perniagaan. Terdapat kemudahan ruang perniagaan yang terdiri daripada deretan rumah kedai telah dibangunkan di Pekan Melayu dan Pekan Cina. Ruang perniagaan ini sibuk dikunjungi oleh golongan pedagang dan bangsawan yang ingin membeli barangan import daripada luar negeri seperti peti besi keselamatan menyimpan wang tunai dan barangan emas.⁶⁷

Berdasarkan rekod, pada tahun 1895, terdapat beberapa kedai di emporium perniagaan ini yang menjual barangan import dari London seperti kipas angin besi yang menggunakan kuasaminyak tanah, mesin jahit

buatan England, mesin jahit jenama Singer buatan Amerika tahun 1890 dan *gramophone* kabinet kayu jenama Victoria. Barangan import ini dibawa masuk melalui pelabuhan bandar Alor Setar oleh kapal-kapal dagang dari Eropah. Kebanyakan barangan import ini dibeli oleh golongan kerabat diraja Kedah dan Perlis serta pedagang asing yang singgah di Alor Setar.⁶⁸ Selain itu, terdapat juga kedai pajak gadai, gedung menjual pakaian dan peralatan kegunaan harian di emporium ini. Malahan klinik gigi, klinik perubatan swasta, dan kedai jahitan pakaian,⁶⁹ juga turut tersedia di tengah-tengah emporium perniagaan ini. Berdasarkan Laporan Tahunan Penasihat British 1905-1906, emporium ini dilaporkan semakin sibuk dengan wujudnya perkhidmatan kapal penumpang yang berulang-alik dari Pulau Pinang ke pelabuhan Alor Setar.⁷⁰ Satu lagi ciri kegiatan komersial adalah kewujudan deretan rumah rehat di bandar Alor Setar dalam tahun 1891. Rumah rehat ini pernah dijadikan tempat penginapan pedagang Perancis yang datang berdagang di sini.⁷¹ Ringkasnya, kewujudan emporium perniagaan dan rumah rehat ini menjadi bukti kepesatan aktiviti komersial di Alor Setar. Hal ini seterusnya membawa kepada kebanjiran lebih ramai penduduk sama ada dari dalam mahupun luar Kedah datang ke bandar ini.

Kesimpulan

Perkembangan pesat Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial dapat ditelusuri sejak sebelum kemasukan British ke Kedah lagi. Dalam tempoh ini, Alor Setar muncul sebagai sebuah bandar yang maju dengan kegiatan perdagangan dan perniagaan yang begitu rancak seperti perdagangan gajah, beras, ternakan, bahan mentah, kayu kayan dan sebagainya. Malahan kemunculan emporium perniagaan dan beberapa lagi kemudahan yang tersedia di Alor Setar merancakkan lagi aktiviti komersial di bandar tersebut. Di sebalik kemunculan Alor Setar, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II dilihat menjadi individu penting dalam perkembangan awal bandar tersebut. Keputusan baginda untuk memindahkan pusat pentadbiran dari Kota Bukit Pinang ke Alor Setar yang terletak tidak jauh dari Limbong merupakan keputusan yang tepat.

Dalam menjejaki perkembangan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial, beberapa faktor penting di sebalik kepesatannya tidak dapat diketepikan iaitu kecanggihan sistem perhubungan dan pengangkutan, kecekapan pentadbiran dan kawalan keselamatan bandar yang teratur, sistem kawalan kesihatan yang efisien dan kemudahan infrastruktur yang baik. Faktor-faktor ini menjadi daya tarikan yang menggalakkan kemasukan lebih ramai pedagang dan peniaga dan akhirnya memperkembangkan lagi aktiviti komersial di bandar tersebut.

Nota Akhir

1. *Alor Setar: 250 Tahun 1735-1985*, Kedah: Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990.
2. Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
3. Afifudin Haji Omar, “Penanaman Padi di Kedah Darulaman: Sejarah Peranan dalam Ekonomi Negeri Kedah Darulaman”, dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman*, Alor Setar, Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman, 1991.
4. Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008.
5. Nama Alor Setar diambil berdasarkan kewujudan sebatang alur dan pokok setar yang tumbuh berhampiran dengan kota yang dibina. Pokok Setar merupakan spesies kundang yang banyak tumbuh meliar di bandar ini. Keterangan lanjut, sila rujuk Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Sejarah Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1992, hlm. 8.
6. Zaharudin Abu, *Kota Limbong Legasi yang Sirna*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman, 2006, hlm. 1-5.
7. Omar Abdullah, *Limbong: Pelabuhan Besar Menjadi Kampung*, Kedah:Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 1974, hlm. 90.
8. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Pusat Perdagangan dan Pelabuhan Utama di Pedalaman Kedah Pada Abad 17 & 18*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman, 2006, hlm. 12.
9. Zaharudin Abu, *Kota Limbong Legasi yang Sirna*, 2006, hlm. 4.
10. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Pusat Perdagangan dan Pelabuhan Utama di Pedalaman Kedah Pada Abad 17 & 18*, 2006, hlm. 12.
11. Ahmad Jelani Halimi, “*Surat-surat Perdagangan Kedah Ingeris Pada Separuh Kedua Abad Ke-18*”, Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003, hlm. 19.
12. Clark, Kathleen, “Pinto and Lock in Kedah”, dalam *Malaysia in History*, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 1958, hlm. 43-45.
13. Peringatan Raja-raja Kedah, hlm.13-16.
14. Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd Arshad, *AI-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Penang, Jelutong Press, 1928, hlm. 125.
15. Dalam soal pemindahan pusat pentadbiran, Sultan tidak mendirikan pusat pentadbirannya di Limbong ekoran kawasan tersebut merupakan kawasan pegangan Tengku Ibrahim. Baginda sebaliknya mendirikan pusat pentadbiran di tapak berhadapan dengan Masjid Zahir yang ada pada masa kini.
16. Wan Yahya Wan Muhamad Taib, *Salasilah Atau Tarekh Kerja-an*

- Kedah*, Penang, The British Malaya, 1911, hlm. 2.
17. Ahmad Saleh, “Kedah dalam Tahun 1851: Zaman Pemerintahan Sultan Zainal Rashid I”, *Kedah dari Segi Sejarah*, Jilid 2, Kedah: Persatuan Sejarah Kedah, 1967, hlm. 5.
 18. Wan Yahya Wan Muhammad Taib, *Salasilah Atau Tarekh Kerja-an Kedah, 1911*, hlm.26.
 19. Mahani Musa dan Ahmad Jelani Halimi, *Warisan Mahawangsa Kedah*, Alor Setar, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2006, hlm.113-114.
 20. Ibid., hlm.58.
 21. Mohd Sukki Othman & Othman Adi Yasran Abdul Aziz, “Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya”, dalam *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Jilid. 19, No. 1, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press, 2012, hlm.1-16.
 22. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, Surat-surat Pajak, T.H. 1318, T.M. 1900, (No.9), hlm. 8.
 23. Ismail Md Isa, Pekan Cina (Alor Setar):Penubuhan dan Perkembangannya dalam Abu Talib Ahmad, Cheah Boon Kheng (penyunting). *Isu-Isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 1995, hlm. 259-260.
 24. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1308-1313, T.M. 1890-1895, (No. 5), hlm.7 dan 57.
 25. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1314-1317, T. M. 1896-1899, (No. 6), hlm.14.
 26. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, T.H. 1318-1320 T.M. 1900-1902, Jilid II, (No.16), hlm. 97.
 27. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1304-1312, T. M. 1886-1894, (No. 2), hlm.332.
 28. Mazizah Md. Darus dan Muhammad Ismail Saleh, *Kedah Dulu-dulu*, Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003, hlm. 24.
 29. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Alor Setar 250 Tahun, 1735-1985*, Alor Setar, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990, hlm. 15.
 30. Augustine, James F, *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar, Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1996, hlm. 100.
 31. Surat Raja-raja Tahun 1306, T.M. 1888, (No.1), hlm. 93.
 32. Wan Hajar Binti Wan Ismail adalah saudara kepada Wan Muhammad Saman Perdana Menteri Kedah. Beliau merupakan permaisuri pertama Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Puteranya yang terkenal ialah Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Tunku Abdul Aziz (Raja Muda) dan Tunku Mahmud. Keterangan lanjut, sila rujuk Wan Shamsudin Mohd Yusof, Pusat Perdagangan dan Pelabuhan Utama di Pedalaman Kedah Pada Abad 17 & 18 2006, hlm. 71.

33. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1307-1310, T. M, 1889-1892, (No. 4), hlm.10.
34. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1314-1317, T. M. 1896-1899, (No. 6), hlm. 1 dan 11.
35. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Alor Setar 250 Tahun, 1735-1985*, Alor Setar, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman,1990, hlm. 29.
36. Muhammad Hassan To' Kerani Mohd Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, 1928, hlm. 124.
37. Ismail Saleh, 1990. "Negeri Terbuka Dagangan Murah", *Alor Setar 250 Tahun*, Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, hlm. 16.
38. Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor, 2017. "Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik Di Negeri Kedah Sehingga Tahun 1957", *Jurnal Sejarah*, No.26, Bil.2, Disember, hlm. 28.
39. Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Kedah, Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2008, hlm. 109-110.
40. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1308-1313, T.M. 1890-1895, (No. 5), hlm. 88.
41. Logan, J.R., "Notes at Pinang, Kidah & C", *Journal of the Indian Archeipelago*, Series 1 (5), 1851, hlm. 53.
42. Mohd Firdaus Abdullah and Arba'iyah Mohd Noor, "The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar Kedah", *Jebat*, Vol.46, Bil 2, December, 2019, hlm.247.
43. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1304-1312, T. M. 1886-1894, (No. 2), hlm. 168.
44. *Yearly Report on The Administration of The State of Kedah, September 1905 to 1906*,1907. Penang, Pinang Gazette Press, Ltd, hlm. 16.
45. Surat Kepada Raja-raja T. H. 1312, T. M. 1895 (No. 2), hlm. 168.
46. Mazizah Md. Darus dan Muhammad Ismail Saleh, *Kedah Dulu-dulu*, Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003, hlm. 27.
47. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1308-1313, T.M. 1890-1895, (No. 5), hlm. 80.
48. Sankar Arikrishnan, "Sejarah Perubatan dan Kesihatan di Kedah Sebelum Kedatangan British", *Jurnal Sejarah*, Vol.29, No. 1, Mei, 2020, hlm. 62.
49. CO 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1911, hlm. 6-17.
50. Wan Ibrahim Wan Suloh, (tiada tahun penerbitan). *Chara2 Mengutip Hasil Negeri Dalam Masa Pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Negeri Kedah Yang Memerintah Dalam Tahun 1762-1799 Bersamaan 1174-1212 Hijrah*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Chawangan Kedah, (tiada halaman).
51. Ibid.
52. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Koleksi Artikel Mengenai Sejarah*

- Kedah yang tersiar dalam akhbar Berita Minggu 1985-1986*, Kedah: Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1987, hlm. 7.
53. Ahmad Jelani Halimi, “*Surat-surat Perdagangan Kedah Inggeris Pada Separuh Kedua Abad Ke-18*”, Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003, hlm. 3-6.
54. Ibid.
55. Wan Yahya Wan Muhamad Taib, *Salasilah Atau Tarekh Kerja-an Kedah*, Penang, The British Malaya, 1911, hlm. 6.
56. Surat Sultan Muhammad Jiwa yang dikirimkan kepada Francis Light bertarikh 24/12/1186 Hijrah bersamaan 8/3/1773 Masihi.
57. Ahmad Jelani Halimi, *Surat-surat Perdagangan Kedah Inggeris Pada Separuh Kedua Abad Ke-18*”2003, hlm. 128.
58. Gallop. Annable Teh., *The Legacy of the Malay Letter/Warisan Warkah Melayu, London, The British Library*, 1994, hlm. 200.
59. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Pusat Perdagangan dan Pelabuhan Utama di Pedalaman Kedah Pada Abad 17 & 18*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman, 2006, hlm. 14.
60. Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Sejarah Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman*, Alor Setar, Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1992, hlm. 15.
61. *Warisan Sejarah Kedah Darul Aman*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia 2003, hlm. 16.
62. Triti bertarikh 20 Jamadilawal 1284 bersamaan 19 September 1867.
63. Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid 1890, hlm. 299-303.
64. Ibid. 350-353.
65. Surat Raja-raja Tahun 1306, T.M. 1888, (No.1), hlm. 21-22.
66. Frederic Laplanche. 2019. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2019/06/498178/early-kedah-france-ties> [2 Mei 2021]
67. Surat Raja-raja Tahun 1306, T.M. 1888, (No.1), hlm. 17-18.
68. Bahan pameran Muzium Di Raja Kedah. (Diakses pada 26 Disember 2020).
69. Surat Raja-raja Tahun 1306, T.M. 1888, (No.1), hlm. 26, 56, 57 dan 69.
70. Bahan pameran Muzium Kedah. (Diakses pada 26 Disember 2020).
71. Frederic Laplanche. 2019. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2019/06/498178/early-kedah-france-ties> [2 Mei 2021].

Rujukan

- Abu Talib Ahmad. Cheah Boon Kheng (penyunting). 1995. *Isu-Isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Afifudin Haji Omar. 1991. "Penanaman Padi di Kedah Darulaman: Sejarah Peranan dalam Ekonomi Negeri Kedah Darulaman", dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman*. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman.
- Ahmad Jelani Halimi. 2003. "*Surat-surat Perdagangan Kedah Inggeris Pada Separuh Kedua Abad Ke-18*". Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Ahmad Saleh. 1967. "Kedah dalam Tahun 1851: Zaman Pemerintahan Sultan Zainal Rashidi". *Kedah dari Segi Sejarah*. Jilid 2. Kedah: Persatuan Sejarah Kedah.
- Alor Setar 250 Tahun 1735-1985,1990. Kedah: Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Augustine, James F. 1996. *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Bahan pameran Muzium Di Raja Kedah. (Diakses pada 26 Disember 2020).
Bahan pameran Muzium Kedah. (Diakses pada 26 Disember 2020).
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- CO 716/1. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1911. Peringatan Raja-raja Kedah.
- Clark, Kathleen. 1958. "Pinto and Lock in Kedah", dalam *Malaysia in History*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Frederic Laplanche. 2019. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2019/06/498178/early-kedah-france-ties> [2 Mei 2021]
- Gallop, Annable Teh. 1994. *The Legacy of the Malay Letter/Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Ibrahim Ismail. 2008. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Kedah: Penerbitan Universiti UtaraMalaysia.
- Ismail Saleh. 1990. "Negeri Terbuka Dagangan Murah". *Alor Setar 250 Tahun*. Kedah:Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Logan, J.R. 1851. "Notes at Pinang, Kidah & C". *Journal of the Indian Archipelago*. Series 1(5).
- Mahani Musa dan Ahmad Jelani Halimi. 2006. *Warisan Mahawangsa Kedah*. Alor Setar:Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Mazizah Md. Darus dan Muhammad Ismail Saleh. 2003. *Kedah Dulu-dulu*. Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor. 2017. "Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik Di Negeri Kedah Sehingga Tahun 1957". *Jurnal Sejarah*. No.26, Bil.2, Disember.
- Mohd Firdaus Abdullah and Arba'iyah Mohd Noor. 2019. "The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar Kedah", *Jebat*, Vol.46, Bil 2. December.

- Mohd Sukki Othman dan Othman Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. “Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya”, dalam *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*. Jilid. 19, No. 1. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd Arshad. 1928. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Penang: Jelutong Press.
- Omar Abdullah. 1974. *Limbong: Pelabuhan Besar Menjadi Kampung*. Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid 1890.
- Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1304-1312, T. M. 1886-1894. (No. 2). Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1307-1310, T. M, 1889-1892. (No. 4). Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1308-1313, T.M. 1890-1895, (No. 5). Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T. H. 1314-1317. T. M. 1896-1899. (No. 6). Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid. Surat-surat Pajak, T.H. 1318, T.M. 1900, (No. 9). Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid. T.H. 1318-1320 T.M. 1900-1902. Jilid II, (No. 16). Surat Kepada Raja-raja T. H. 1312, T. M. 1895, (No. 2).
- Surat Raja-raja Tahun 1306. T.M. 1888, (No.1).
- Surat Sultan Muhammad Jiwa yang dikirimkan kepada Francis Light bertarikh 24/12/1186 Hijrah bersamaan 8/3/1773 Masihi.
- Sankar Arikrishnan. 2020. “Sejarah Perubatan dan Kesihatan di Kedah Sebelum Kedatangan British”. *Jurnal Sejarah*. Vol .29. No. 1, Mei. Triteri bertarikh 20 Jamadilawal 1284 bersamaan 19 September 1867.
- Wan Ibrahim Wan Suloh. (tiada tahun penerbitan). Chara2 Mengutip Hasil Negeri Dalam Masa Pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Negeri Kedah Yang Memerintah Dalam Tahun 1762-1799 Bersamaan 1174-1212 Hijrah. Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Chawangan Kedah.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1987. Koleksi Artikel Mengenai Sejarah Kedah yang tersiar dalam akhbar Berita Minggu 1985-1986. Kedah: Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1990. *Alor Setar 250 Tahun, 1735-1985*. Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1992. *Sejarah Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman*. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 2006. *Pusat Perdagangan dan Pelabuhan Utama di Pedalaman Kedah Pada Abad 17 & 18*. Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman.
- Wan Yahya Wan Muhammad Taib. 1911. *Salasilah Atau Tarekh Kerja-an Kedah*. Penang: The British Malaya.
- Warisan Sejarah Kedah Darul Aman*. 2003. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Yearly Report on The Administration of The State of Kedah, September 1905 to 1906, 1907. Penang: Pinang Gazette Press, Ltd.

Zaharudin Abu. 2006. *Kota Limbong Legasi yang Sirna*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman.

Nota Biografi

Nur Najwa Yusof (najwayusof@siswa.um.edu.my) merupakan pelajar Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus (akamal@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah perbandaran, sejarah sosial dan pentadbiran British di Malaysia.

Noor Ain Mat Noor (noorain277@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di *Centre for Internship Training and Academic enrichment (CITrA)*, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah pentadbiran Kedah.